



Tiara Hamarian penerima Pingat Emas Lee Kuan Yew, antara siswa cemerlang NTU

24/7/2018 22:47

Oleh: NURUL AMIRAH MOHD ISA

A
A+

SINGAPURA: Tidak cukup fasih dalam tiga bahasa, Tiara Hamarian kini ingin menguasai tiga lagi bahasa termasuk Arab.

Inilah ciri istimewa yang dimiliki pemenang Pingat Emas Lee Kuan Yew tahun ini.

Tiara Hamarian dan 36 lagi penerima mendapat anugerah masing-masing daripada Presiden Halimah Yacob di majlis konvokesyen Universiti Teknologi Nanyang (NTU) pagi Selasa (24 Jul).

Jika Tiara Hamarian fasih dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Mandarin, Siti Nur Atiqah Abdul Hadi pula boleh bertutur dalam lima bahasa - Inggeris, Melayu, Perancis, Jerman dan Mandarin.

Bagi Muhammad Farouq Azizan, penguasaan bahasa akan lebih membantu tugasnya sebagai seorang penyelidik khususnya bagi penyakit barah.

Meskipun pengalaman yang dilalui di universiti agak berbeza, ketiga-tiga siswazah ini merupakan antara anak Melayu/Islam yang berjaya lulus sarjana muda dengan kepujian

iaitu kecemerlangan tertinggi.

Bagi Tiara Hamarian, beliau perlu meredah laluan politeknik sebelum berjaya ke menara gading untuk mencapai cita-citanya.

"Adalah impian saya untuk terus melanjutkan pengajian di Universiti Oxford ataupun Universiti Cambridge. Dan saya mahu mengambil jurusan sains kemasyarakatan atau ilmu kemanusiaan sangat dan saya percaya ia boleh mendekatkan diri saya lagi dengan masyarakat," kongsi beliau bersama BERITAMediacorp semasa ditanya tentang rancangan selanjutnya.

Bagi Siti Nur Atiqah pula, inilah aspirasi yang beliau lahirkan buat dirinya dan golongan muda:

"Terus menimba ilmu tapi di samping itu, saya harap bahawa para belia mengenal pasti kekuatan mereka - tidak kira dari segi seni, sukan atau sebagainya dan menggunakan kekuatan itu untuk menyumbang semula kepada masyarakat," ujarnya.

Manakala bagi Muhammad Farouq pula, hasratnya untuk membantu para pesakit barah menjadi pembakar semangat untuk meneruskan pengajiannya dalam bidang imunologi, meskipun pernah menghadapi cabaran.

"Bila saya dapat gred E8 untuk Biologi di peringkat 'O' Level, keyakinan saya jatuh kerana biologi adalah subjek yang saya paling cenderung. Jadi dengan tekun, beradaptasi, dan dengan sokongan ibu dan tunang saya, perlahan-perlahan saya dapat kembali ke tahap keyakinan yang lebih kukuh," kongsi beliau.

Tiara Hamarian, Siti Nur Atiqah dan Muhammad Farouq merupakan antara lebih 9,700 siswazah NTU yang menerima ijazah bermula hari ini hingga 2 Ogos.

Kohort siswazah NTU tahun ini termasuk kumpulan pertama bagi program bidang Perubatan, Pembedahan, Sains Bumi dan Falsafah.

- BERITAMediacorp/tq

